

No. Sebut harga : PA.BKP.300-14 JLD. 34 (37)

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Tahun Buatan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	LORI MAN TGM 18.280 4X4	VY 2870	2017	1	RM 25,000.00

2. Aset boleh dilihat pada 13 Februari 2024 (SELASA) hingga 27 Februari 2024 (SELASA) di antara jam 10:00 pagi hingga 4:00 petang di Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Sabah, Tingkat 6, Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh, Peti Surat 11193, 88813 Kota Kinabalu, Sabah. Sila hubungi talian 088264161 / zico@civildefence.gov.my bagi urusan temu janji.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang dilampirkan. *Soft copy* borang ini boleh diperolehi melalui pautan <https://tinyurl.com/kewpa28aset> atau melalui QR Code berikut :-
4. Tawaran Hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga PA.BKP.300-14 JLD. 34 (37) dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-



**Aras 2, Ibu Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia,
Jalan Maktab Perguruan Islam,
Sungai Merab,
43000 Kajang Selangor**

6. Tarikh tutup sebut harga pada 28 Februari 2024 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan pihak tuan/puan boleh terus menghubungi 03-89206227.



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Tarikh: 8/2/2024

YOON BOON CHEW
Pegawai
Bahagian Khidmat Pengurusan
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau **RM5,000** mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Tawaran Sebut Harga yang dihantar melalui pos hendaklah dipastikan tawaran tersebut sampai dan diterima oleh Ibu Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sebelum tarikh dan waktu sebut harga ditutup.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya serta segala urusan berkaitan pertukaran nama (JPJ/PUSPAKOM/KASTAM) termasuk kos mengangkut untuk tujuan pertukaran nama hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
10. Pembeli yang berjaya hendaklah selesai membuat tukar milik di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam tempoh 7 hari dari tarikh mengambil aset. Sekiranya gagal, bayaran deposit sebut harga tidak akan dikembalikan. Kos tukar hak milik tersebut hendaklah ditanggung oleh pihak pembeli yang berjaya.